

MAHATHIR-'ANGIN PANAS'

OLEH ABDUL RAHMAN SULAIMAN

1982

SUNGAI PETANI, 27 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYELAR PIHAK-PIHAK TERTENTU YANG MENURUTNYA SENGAJA MENIUPKAN 'ANGIN PANAS' UNTUK MEMBAKAR SEMANGAT RAKYAT DALAM MUSIM PILIHANRAYA SEKARANG.

PERDANA MENTERI BERKATA GOLONGAN INI SENTIASA MENYALAHKAN SEGALA USAHA YANG DIJALANKAN OLEH KERAJAAN WALAUPUN MEREKA TAHU USAHA-USAHA ITU BAIK DAN MEMBERI FAEDAH KEPADA RAKYAT DAN MEREKA SENDIRI.

BERUCAP DI UPACARA MELETAKKAN BATU ASAS PROJEK PENEMPATAN SEMULA NELAYAN DI TANJUNG DAWAI, KIRA-KIRA 30 KM DARI SINI, BELIAU MENGGESA RAKYAT SUPAYA JANGAN TERPENGARUH DENGAN DAKYAH GOLONGAN TERSEBUT TETAPI SEBALIKNYA HENDAKLAH MEMBEZAKAN APA YANG BENAR DENGAN YANG PALSU.

'JANGANLAH KERANA NILA SETITIK KITA HENDAK ROSAKKAN SUSU SEBELANGA,' JELASNYA.

PERDANA MENTERI TIDAK PULA MENYEBUT SIAPAKAH GOLONGAN YANG DIMAKSUDKAN TETAPI HANYA SEKADAR MENYEBUT BAHAWA 'GOLONGAN YANG SENTIASA MENIDAK-NIDAKKAN USAHA KERAJAAN ITU SENDIRI PUN TIDAK MEMPUNYAI KERAJAAN SEKARANG.'

'WALAUPUN MEREKA PERNAH MEMERINTAH DI SATU NEGERI SELAMA 18 TAHUN MEREKA TIDAK PULA MEMBUAT SESUATU YANG BAIK UNTUK RAKYAT.'

-- BERSEMBUNG 1832/LK

MAHATHIR-ANGIN PANAS 2 SUNGAI PETANI

'MEREKA MENUDUH USAHA KITA MEMBANGUNKAN NEGARA DENGAN MEMINJAM WANG ASING SEBAGAI PERBUATAN MENGGADAIKAN NEGARA. TETAPI KITA MEMINJAM WANG DARI LUAR SEJAK MERDEKA NAMUN SEHINGGA SEKARANG NEGARA TIDAK JUGA TERGADAI,' KATANYA.

'SEBALIKNYA TANAH YANG MEREKA GADAIKAN SEHINGGA SEKARANG TIDAK TERTEBUS,' TAMBAHNYA.

PROJEK BERTERANGA \$1.7 JUTA ITU SETAKAT INI MEMBERI FAEDAH KEPADA KIRA-KIRA 100 KELUARGA NELAYAN.

DI BAWAH RANCANGAN INI PARA PESERTA DIBERIKAN BANTUAN UNTUK MENJALANKAN PERUSAHAAN MEMELIHARA IKAN ATAU UDANG SERTA IKAN DALAM SANGKAR.

PROJEK ITU DIJANGKA DAPAT MENINGKATKAN PENDAPATAN PARA PESERTA KEPADA \$300 HINGGA \$400. -- BERNAMA 1833/LK